

## BULETIN INOVASI DAN KUALITI 2022



### AUDIT PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015 OLEH PIHAK SIRIM QAS SDN. BHD. 30 ,31 MEI & 1 JUN 2022

Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 oleh pihak SIRIM QAS Sdn. Bhd. telah dijalankan pada 30 , 31 Mei dan 1 Jun 2022 di mana tarikh luput pensijilan adalah pada 13 Jun 2022. Audit yang dijalankan selama 3 hari ini melibatkan seramai 3 orang panel auditor dari pihak SIRIM . Kesemua 10 jabatan dan 3 unit telah diaudit berdasarkan skop pensijilan yang baru iaitu Perkhidmatan Pihak Berkua Tempatan bagi bandar raya Melaka Bersejarah merangkumi perkhidmatan utama dan sokongan kerajaan tempatan. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah berjaya mendapat pensijilan semula ISO 9001: 2015 dengan 11 penemuan Peluang Penambahbaikan ( OFI ) . Kesimpulannya, MBB masih mengekalkan, dan melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti mengikut kehendak standard ISO 9001:2015 dan terdapat beberapa ruang untuk penambahbaikan.



# **PROGRAM AUDIT SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN ( SPB-PBT ) OLEH BAHAGIAN INSPEKTORAT, KEMENTERIAN PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN ( KPKT )**

**30 JUN 2022**

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah menerima kunjungan daripada Bahagian Inspektorat, Jabatan Kerajaan Tempatan , KPKT bagi Program Audit Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkusa Tempatan ( SPB-PBT ). Panel penilai telah disambut oleh YBrs. Tuan Sulaiman bin Hj. Atan, Setiausaha Bandaraya dan diraikan oleh pasukan beruniform MBMB di Dataran Bandaraya. Seramai 7 orang panel telah hadir bagi melaksanakan penilaian SPB-PBT ini dan diketuai oleh Pn. Nur Halimah binti Mohd Yusoff, Pengarah Inspektorat, Jabatan Kerajaan Tempatan.

Sebanyak 4 kriteria utama melibatkan 17 indikator telah dinilai melibatkan pengurusan organisasi, perkhidmatan teras bandaraya , pengurusan pelanggan dan penglibatan komuniti. Audit yang dijalankan adalah bertujuan meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan memastikan perkhidmatan yang diberikan lebih efisien dan berkualiti kepada setiap lapisan masyarakat.





Laman web rasmi MBMB : mbmb.gov.my

Alamat : Bahagian Inovasi dan Kualiti, Jabatan Pengurusan dan Sumber Manusia,  
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah




## BULETIN INOVASI DAN KUALITI

### BENGKEL PEMANTAPAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI DAN DAFTAR PENGURUSAN RISIKO (RIRADC) MS ISO 9001:2015

TARIKH : 14 SEHINGGA 16 FEBRUARI 2022

TEMPAT : HOTEL MUDZAFFAR, MELAKA

Bengkel Pemantapan Sistem Pengurusan Kualiti dan pelaksanaan Daftar Pengurusan Risiko (RIRADC) MS ISO 9001:2015 telah diadakan pada 14 sehingga 16 Februari 2022 kepada semua pegawai ISO jabatan dan unit. Penceramah yang dilantik adalah dari Emjay Training & Consultancy iaitu En. Md Jaafar bin Md. Jani. Semua jabatan dan unit mengemaskini prosedur dan proses kerja masing-masing serta penambahbaikan Daftar Pengurusan Risiko bagi mengenalpasti, menilai ancaman risiko dan mengenalpasti kaedah mengurangkan risiko susulan penemuan Audit dari SIRIM QAS International yang lalu. Sebanyak 60 prosedur telah ditambahbaik merangkumi pengurusan kualiti, fungsi utama dan fungsi sokongan.



## KURSUS JURUAUDIT DALAMAN MS ISO 9001:2015

**TARIKH : 7 DAN 8 MAC 2022**

**TEMPAT : HOTEL LA CRISTA, MELAKA**

Kursus Juruaudit Dalaman MS ISO 9001:2015 telah diadakan pada 7 dan 8 Mac 2022 bertempat di Hotel La Crista. Kursus ini telah dihadiri seramai 31 orang juruaudit dalaman yang terdiri daripada semua jabatan. Kursus ini merupakan salah satu syarat oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd bagi memastikan juruaudit dalaman sesebuah agensi kompeten bagi menjalankan audit. Para peserta telah didedahkan dengan teknik mengaudit dan soal jawab kepada audit berdasarkan klausula-klausula dalam Standard MS ISO 9001:2015 yang telah ditetapkan. Inia amat penting bagi memastikan Juruaudit Dalaman yang telah dilantik mampu melaksanakan audit dalaman dengan yakin dan dapat melaporkan hasil audit secara berkesan untuk penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti.



## **PROGRAM AUDIT DALAM MS ISO 9001:2015**

**TARIKH : 21 – 22 APRIL 2021**

Program Audit Dalam MS ISO 9001:2015 Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah diadakan selama dua (2) hari iaitu pada 14 dan 15 Mac 2022. Kesemua Juruaudit Dalaman telah ditugaskan untuk mengaudit 10 jabatan dan 3 unit bagi melihat prosedur dan proses kerja masing-masing. Selain daripada itu, juruaudit dalaman menyemak dokumen dan fail-fail jabatan serta MyPortfolio masing-masing. Program Audit Dalam ini adalah bagi persediaan menghadapi Audit Pensijilan Semula dari pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Sebanyak 8 laporan ketakakuran ( NCR ) dan 49 peluang penambahbaikan ( OFI ) telah dikenalpasti semasa audit dijalankan. Kesemua jabatan dan unit telah memberikan maklumbalas terhadap penemuan tersebut dan laporan penuh Audit Dalam dilaporkan semasa Audit SIRIM pada 30,31 Mei dan 1 Jun 2022.



## **BULETIN INOVASI DAN KUALITI**

### **BENGKEL PENYEDIAAN DOKUMENTASI KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) MBMB KE PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN 2022**

**TARIKH : 19 - 20 JANUARI 2022**

**TEMPAT : THE STRAITS HOTEL AND SUITES, MELAKA**

Bahagian Inovasi dan Kualiti telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Dokumentasi Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) MBMB. Tujuan bengkel ini dibuat bagi membuat persediaan awal kumpulan-kumpulan KIK MBMB bagi menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Melaka (AIKN) bagi tahun 2022 . Bengkel ini telah disertai oleh empat (4) kumpulan KIK MBMB iaitu Kumpulan Inginiera Crew dengan projek Sistem Pemantauan Operasi Pam ( SPOP ) , Kumpulan TMET dengan projek Sistem Pejalan Kaki Automatik (SiPKA ) , Kumpulan I.O.T dengan projek MBMB Event dan Kumpulan Q Thinkers dengan projek QZEE Box.

Fasilitator yang dijemput adalah Dr. Yahaya bin Abdullah di mana beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang inovasi dan digital media. Kumpulan-kumpulan KIK MBMB ini telah didedahkan dengan cara-cara penyediaan dokumentasi mengikut format laporan yang telah ditetapkan oleh pihak urusetia AIKN 2022 dan teknik pembentangan secara maya atau bersemuka dengan lebih berkualiti.



## **PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI KERAJAAN NEGERI MELAKA BAGI TAHUN 2022**

**TARIKH : 23 & 24 MAC 2022**

**TEMPAT : AUDITORIUM, MBMB**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka telah menganjurkan Pertandingan Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2022 (AIKN 2022) pada 23 & 24 Mac 2022. Pertandingan ini telah diadakan secara maya sebagai langkah mengekang penularan wabak Covid 19.

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah menghantar 4 Kumpulan KIK MBMB ke pertandingan tersebut iaitu Kumpulan Inginiera Crew dengan projek Sistem Pemantauan Operasi Pam (SPOP), Kumpulan TMET dengan projek Sistem Pejalanan Kaki Automatik (SiPKA), Kumpulan I.O.T dengan projek MBMB Event dan Kumpulan Q Thinkers dengan projek QZEE Box. Kesemua kumpulan telah membentangkan projek masing-masing dan panel juri yang mengadili adalah dari UTEM, MAMPU, MACRI dan juga pihak MyIPO.



## **ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI MELAKA TAHUN 2022**

**TARIKH : 14 JULAI 2022 (KHAMIS)**

**TEMPAT : STRAITS BALLROOM, HOTEL HOLIDAY INN, MELAKA**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Melaka telah mengumumkan pemenang-pemenang Pertandingan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Melaka Tahun 2022 semasa Majlis Pelancaran Pelan Strategik Jabatan Ketua Menteri Melaka dan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Melaka pada 14 Julai 2022 yang lalu dan disampaikan oleh YAB Ketua Menteri Melaka, Y.A.B Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah menghantar empat (4) Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) MBMB bagi menyertai pertandingan tersebut dan telah memenangi beberapa anugerah mengikut kategori seperti berikut :

<b>Bil</b>	<b>Nama Kumpulan</b>	<b>Tajuk projek/Kategori</b>	<b>Kedudukan</b>	<b>Jumlah Diterima</b>
1	Ingenieria Crew	SPOP Advanced Kategori ICT - Penambahbaikan	Johan	RM5,000.00
2	TMET	Sistem Pengesanan Pejalan Kaki Automatik (SiPKA) Kategori Bukan ICT - Penciptaan Baru	Johan	RM5,000.00
3	I.O.T	MBMB Event Kategori Bukan ICT - Penciptaan Baru	Naib Johan	RM3,000.00
4	Q Thinkers	QZEE Box Kategori Bukan ICT - Penciptaan Baru	Tempat ketiga	RM2,000.00

